

## BAB 1

# PENGENALAN ANALISIS WACANA TAFSIRAN AL-QURĀN

### 1.0 Pendahuluan

Tafsiran al-Qurān merupakan sebagai satu wacana yang terpenting dalam bidang-bidang ilmu Islam. Pengaruh tafsiran al-Qurān begitu ketara sekali sepanjang zaman selepas kewafatan Rasulullah S.A.W sehingga ke hari ini.

Sebagai muqaddimah kepada bab-bab yang berikutnya, bab ini bertujuan memberikan gambaran umum tentang perkara asas yang diperlukan oleh sesebuah kajian. Ia akan menerangkan sebab-sebab pemilihan tajuk, kepentingan kajian, bidang kajian, skop kajian dan sistematik pembahasan, metodologi kajian, sumbangan kajian dan rangka kajian.

#### 1.1 Sebab-sebab Pemilihan Tajuk

Analisis wacana adalah satu cabang ilmu linguistik bahasa yang sangat penting. Banyak sudah analisis wacana ditulis yang menyentuh berbagai bidang wacana selain daripada analisis wacana yang lebih penting menyentuh pekara-pekara yang berhubung dengan akidah, syariat dan tata-susila kehidupan beragama.

Pemikiran dan amalan ummah boleh menjaskan perpaduan, kekuatan dan kekuasaan politik mereka. Oleh itu untuk kembali kepada al-Quran mereka

memerlukan satu kaedah yang jitu dalam memahami kehendak-kehendak al-Qurān.

Bertolak dari kedangkalan ummah memahami bacaan wajib yang setiap hari mereka membacanya sebanyak tujuh belas kali siang dan malam. Dengan kajian ini akan dapat mendedahkan segala tafsiran bagi surah ini. Kemudian mereka akan disajikan dengan kaedah-kaedah yang terpilih sebagai anak-kunci untuk memahami dan menafsirkan al-Qurān secara betul.

## **1.2 Penyataan Masalah**

Dewasa ini sering diperkatakan tentang salah tafsiran terhadap al-Qurān, iaitu tafsiran semula al-Qurān, tafsiran sempit dan berbagai-bagi lagi yang telah ditulis dalam akhbar-akhbar ,rencana-rencana TV, pengucapan-pengucapan para pemimpin di negara ini. Tuduh menuduh antara ulama-ulama dan ahli politik telah menimbulkan suasana tegang dan membawa kepada kafir mengkafir.

Dalam ucapan Perdana Menteri Dr.Mahathir Mohamed pada pelancaran IKIM 3 Julai 1992(Kertas Kerja Kursus Pendakwah Negara 1992,ms14) antaranya beliau berkata;

*"Para ilmuwan yang akan menyelidiki bidang-bidang tertentu di Institut ini perlu mempunyai fikiran terbuka dan berani menyampaikan pandangan-pandangan yang ortodoks. Yang mesti diutamakan ialah kebenaran dan ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Ajaran yang ditafsir dan direka oleh mereka yang datang kemudian tidak boleh dianggap sebagai setaraf dengan ajaran Nabi Muhammad s.a.w. dan dengan itu boleh diselidik serta digugur jika didapati bercanggah dengan al-Qurān dan ajaran Nabi Besar kita."*

*Dengan peredaran zaman,banyak lagi perubahan pendapat yang mesti dilakukan.Tafsiran-tafsiran yang lama mungkin didapati tidak lagi sesuai dengan kenyataan. Banyak lagi perkara dan kebolehan yang sekarang dianggap ajaib dan mustahil akan menjadi kenyataan umum dan biasa.Tetapi ajaran Islam terus relevan dan tepat. Yang salahnya bukannya agama tetapi pentafsiran agama".*

Dalam Ijtimak' Ulama Se-Malaysia di Kota Baru, ustaz Nakhaie Ahmad (Berita Harian 8Nov1996,hlm 10) telah menaqalkan pendapat Dr.Yusuf al-Qardhāwiyy mengenai kelemahan umat Islam kini dalam berbagai aspek dengan katanya;

.....*antara punca lain ialah:*

- *Terlalu berpegang kepada sebahagian nas dalam bahagian tertentu al-Quran dan Hadis tanpa mempedulikan nas di bahagian lain kedua-dua sumber itu;*
- *Berpegang teguh kepada ayat mutasyabihat (samar makna) dan melupakan ayat muhkamat(yang jelas dan terang maknanya);*
- *Berpegang kepada juz'iyyat (partial) bukan pokok dan melupakan soal pokok;*
- *memahami secara dangkal nas Al-Quran dan Sunnah;dan*
- *Mengetepikan metodologi mengeluarkan fatwa.....”*

Syeikh al-Sābūniyy (Al-Sābūniyy,1973 Jilid1 ms.5) dalam mukadimah Tafsir Mukhtasar Ibn Kathir ada menyebut;

*“Tafsir hanya dengan menggunakan akal adalah umumnya haram, sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Nabi s.a.w. , ‘barang siapa berkata tentang ayat al-Quran dengan pendapatnya, atau dengan apa yang tidak diketahuinya, maka sesungguhnya mereka menempa tempat duduk di dalam neraka’. Sabdanya lagi, ‘orang yang mentafsirkan al-Qurān dengan pendapatnya walau pun betul tetapi sesungguhnya adalah salah’. Kerana mereka menyusahkan diri dengan perkara yang mereka sendiri tidak mengetahuinya, mereka telah mengikut jalan yang tidak disuruh berbuat demikian, mereka juga dibaratkan memasuki sebuah rumah tidak melalui pintunya, samalah seperti orang yang menghukum manusia dengan secara jahil akan memasuki neraka. Oleh sebab itulah para ulama salaf terlalu berhati-hati pada perkara yang mereka tidak mengertinya, sebagaimana kata Abu Bakr al-Siddiq, ‘tidak ada langit yang akan melindungi aku dan tidak ada bumi yang akan menadah aku jika aku mentafsirkan al-Quran pada perkara yang aku tidak ketahuan.’”*

Itulah masalah-masalah yang berhadapan dengan masyarakat sekarang, kitab mereka satu, Tuhan mereka satu, kiblat mereka satu dan nabi mereka satu tetapi oleh kerana berbagai-bagai tafsiran dan sikap taasub maka mereka bercakaran sesama sendiri. Untuk itu, umat Islam perlulah melalui satu cara tafsiran atau analisis wacana al-Qurān secara tepat mengikut kaedah-kaedah al-Qurān dan Hadis sendiri supaya mereka dapat kembali kepada al-Qurān dan Hadis sebagaimana yang disarankan oleh baginda Nabi s.a.w.

### **1.3 Objektif Kajian**

Penulis akan berusaha meletakkan matlamat penganalisisan terhadap wacana Al-Qurān kepada beberapa objektif:

- i. Penyelidikan ini adalah satu “pilot studi” dalam bidang analisis wacana al-Qurān.
- ii. Mencadangkan kaedah-kaedah yang lebih baik dalam mentafsirkan al-Qurān.
- iii. Untuk melihat ciri-ciri ketepatan sebuah analisis wacana al-Qurān dibuat dan ciri-ciri yang menyeleweng.
- iv. Untuk memahami aliran pemikiran dan pembawaan seseorang pentafsir.
- v. Untuk melihat apakah jenis kesilapan, keunikan dan keterampilan sesebuah tafsir.
- vi. Menyediakan data asas kepada penyelidik-penyalidik lain yang ingin membuat perbandingan ciri-ciri kesilapan analisis wacana Al-Qurān.
- vii. Untuk memberi satu gambaran awal dalam penyelidikan instrumen dan remediation bagi pentafsir yang menyeleweng.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Apabila dilihat kepada fenomena pentafsiran yang salah dan tidak mengikut kaedah yang betul, masyarakat akan menjadi porak-peranda, ulama-ulama bertelalah sesama sendiri, dan umara pula dapat mengambil kesempatan untuk kepentingan peribadi, negara menjadi lemah dan mudah dikalahkan musuh.

Demi untuk menyatukan pemikiran umat Islam keseluruhannya dan keharmonian penduduk negara umumnya maka perlulah satu bentuk kaedah yang menyeluruh, terbaik, koheren dan kohesi tentang analisis wacana atau pun tafsiran al-Qurān diutarakan.

Penulis berpendapat ini adalah satu langkah yang ulung kali di negara ini untuk menyahut seruan pemimpin negara tentang salah tafsir dan tafsir al-Qurān yang sebaik-baiknya. Dengan rasa rendah diri dan tanggungjawab fardu kifayah yang belum selesai, sedikit sebanyak diharapkan tulisan ini akan menjadi titik tolak ke arah yang lebih afdal dan umat Islam sekurang-kurangnya telah memiliki satu panduan yang dapat mengembangkan pemikiran mereka ke arah memahami al-Qurān secara yang lebih komprehensif.

## 1.5 Skop Kajian

Untuk kajian ini tafsiran surah al-Fātiḥah dipilih sebagai bahan kajian dan analisis. Namun demikian, dibataskan kepada lapan jenis tafsiran sahaja yang mewakili bentuk-bentuk tafsiran yang terdahulu dan kemudian. Pilihan dibuat atas dasar jenis-jenis tafsir. Dua buah tafsiran al-Fātiḥah daripada tafsiran al-Ma'thur, iaitu tafsir al-Tabariyy dan tafsir Ibn Kathīr. Tafsiran bi al-Ra'yī pula dipilih tafsir al-Raziyy untuk bentuk huraiān yang lebih luas dan tafsir al-Nasafiyy untuk huraiān yang ringkas. Sementara tafsiran al-Firaq penulis memilih tafsir al-Kasyṣyāf sebagai mewakili aqidah Mu'tazilah dan tafsir al-Mīzān sebagai mewakili aqidah syiah. Untuk tafsir al-'Asriyy penulis memilih tafsir Fi Zīlāl al-Qurān dan tafsir al-Sya'rāwiyy.

Pemilihan tersebut adalah berdasarkan kepada faktor-faktor punca permasalahan yang timbul dari segi pekembangan mazhab-mazhab, perkembangan masa dan sejarah seperti mana dalam perbincangan yang telah lalu. Tafsiran yang dipilih betul-betul mewakili setiap penjenisan tafsiran al-Qurān dan yang lumrah digunakan oleh penyelidik-penyselidik dan alim-ulama.

Tumpuan kajian ialah pada tafsiran ketujuh-tujuh ayat dalam surah al-Fatiyah . Penelitian pada tafsiran ayat tersebut dilihat melalui tujuh puluh kaedah yang diutarakan nanti dalam bab kedua. Untuk memudahkan analisis kandungan wacana al-Qurān ini ditulis, penulis telah banyak membuat rujukan kepada buku-buku ‘Ulūm al-Qurān, ‘Ulūm al-Tafsīr, Tafsīr, Usūl Fiqh, Qawāid al-Fiqhiyyah dan bahasa Arab. Banyak sekali kaedah-kaedah yang terhasil dari al-Qurān dan Hadis Nabi s.a.w. yang telah menjadi kaedah yang disepakati oleh ulama-ulama muktabar seperti imam mazhab yang empat, para mufassirin, muhaddisin dan ilmu Tauhid.

## **1.6 Bidang Kajian**

Pada keseluruhannya kajian ini adalah linguistik bahasa Arab dalam bidang analisis wacana bahasa Arab dalam ertikata yang lebih luas yang menumpukan kepada pembahasan “*Analisis wacana tafsiran surah al-Fatiyah*”. Melalui kajian ini, penulis cuba memaparkan satu huraiyan mengenai kaedah pentafsiran al-Qurān secara yang seharusnya mengikut kehendak syariat dan bahasa Arab.

Walau bagaimanapun, dalam rangka untuk menghasilkan satu huraiyan yang komprehensif dan menyakinkan, kajian ini juga turut menyentuh bidang-bidang

liniistik terapan yang lain yang berkaitan dengan analisis wacana. Bidang-bidang yang dimaksudkan ialah:

**a) Marfologi**

Dalam pembahasan mengenai tafsiran di sudut ketepatan makna perkataan dalam ayat-ayat surah al-Fatiyah penulis akan menyentuh aspek-aspek marfologi seperti imbuhan (المزيد), mufrad (satu), muthanna (dua), Jamak (tiga ke atas) dan kata akar (المفرد).

Selain dari itu, tafsiran-tafsiran yang dibuat secara langsung berhubung kait dengan bentuk perkataan yang menjadi sumber kaedah marfologi bahasa Arab yang membawa kepada kesahihan sesebuah tafsiran.

**b) Tatabahasa**

Dalam perbincangan mengenai rangkuman tafsiran ayat, pendapat-pendapat yang muktamad, hikmah-hikmah, kepastian hukum penulis akan menyentuh aspek-aspek tatabahasa yang berhubung kait dengan tafsiran seperti kata nama khas (المعرفة), kata nama am (النكرة), kata kerja kala lampau (فعل ماضٍ), kata kerja kala kini (فعل ماضٍ) dan kata kerja imperatif (فعل أمرٍ).

**c) Semantik**

Melalui semantic, penulis akan membincangkan ketepatan atau kesilapan pentafsir pada setiap ayat-ayat al-Fatiyah. Apakah tafsiran yang seharusnya pentafsir lakukan mengikut kaedah-kaedah kedudukan susunan ayat, gaya bahasa, keunikan bahasa dan sebagainya.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Kajian ini berbentuk kajian perpustakaan yang menumpukan kepada "Surah al-Fatihah" dan dianalisiskan mengikut beberapa buah tafsir yang mewakili beberapa bahagian yang beranika seperti berikut:

Tafsīr al-Ma'thūr : Tafsīr al-Tabariyy dan Ibn Kathīr

Tafsīr bi al-Ra'y : Al-Tafsīr al-Kabīr li al-Imām al-Fakhr al-Rāziyy dan Tafsīr al-Nasafiyy

Tafsīr al-Firāq : Untuk fahaman Mu'tazilah, Tafsīr Al-Kasyṣyāf dan untuk fahaman Syi'ah ialah Tafsīr al-Mizan.

Tafsīr al-'Asriyy (Semasa): Tafsīr Zīlāl al-Qurān dan Tafsīr Mutawalli al-Sya'rāwiyy .

Pilihan kepada subjek-subjek ini kerana surah al-Fatihah adalah surah yang merupakan Ibu al-Qurān. Penulis merasakan cukup buat penulisan ini yang mempunyai ruang yang terhad dan itu pun sudah merupakan analisis yang memerlukan masa yang panjang dan penumpuan yang teliti. Penulis telah membuat pilihan itu adalah sebagai peringkat permulaan dan perintis ke arah penulisan tafsir seterusnya yang lain. Moga-moga metodologi ini dapat disambungkan pada semua surah dan ayat-ayat al-Qurān. Untuk itu penulis akan memilih empat bentuk tafsiran dengan dua buah kitab tafsir setiap bahagian sebagai pendekatan untuk analisis surah al-Fatihah berdasarkan pengaruh-pengaruh dan sejauh mana kaedah tafsiran yang sepatutnya diikuti.

### **1.7.1 Bahan-bahan Ujian (Test Material)**

Data mentah mengenai surah-al-Fatihah diperolehi dari kitab-kitab tafsir yang disebutkan di atas,kaset-kaset ceramah oleh tokoh-tokoh tanahair dan temuduga beberapa orang ulama terkemuka di Malaysia mengenai cara tafsiran atau analisis wacana yang dibuat oleh Mufasir-mufasir tersebut. Penulis akan cuba

mendapatkan bahan sebanyak mungkin mengenai analisis-analisis yang telah dibuat oleh orang lain mengenai sama ada ketokohan, tafsir Maudū'iyy..(bertema), analisis sesebuah tafsir dan kitab-kitab Turāth (lama).

### **1.7.3 Prosedur Ujikaji (Experimental Procedure)**

Penganalisisan ayat-ayat dalam surah al-Fatiyah ini akan mengikut tata cara berikut:

1. Pengenalan surah al-Fatiyah secara umum dan ayatnya.
2. Pengenalan penganalisis (Mufassir) dan kaedah pertama analisis wacana tafsiran, iaitu sejauh mana kaedah talaqqi ditepati.
3. Analisis ayat-ayat surah al-Fatiyah satu ayat demi satu ayat dan sejauh mana menepati kaedah-kaedah di atas. Kedudukan analisis adalah seperti berikut:
  - 3.1 Tafsir bi al-Ma'thūr.
  - 3.1.1 Tafsiran Ibn Jarir Al-Tabariyy.

Pengenalan Ibn Jarir Al-Tabariyy dan Talaqqinya serta pengakuan ulama terhadapnya.

Ketujuh-tujuh ayat surah al-Fatiyah itu akan dianalisiskan mengikut kaedah-kaedah tang tepat yang telah digariskan oleh ulama tafsir yang muktabar.

Rumusan Analisis para pentafsir adalah mengikut kaedah dan pandangan ulama-ulama terhadap tafsiran tersebut.

Tata cara ini akan diteruskan hingga ke akhir bentuk-bentuk dan tafsir yang telah di pilih.

## 1.8 Rangka Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada 4 bab. Bab pertama mengenai pengenalan kajian yang meliputi pendahuluan, sebab-sebab pemilihan tajuk, kepentingan kajian, objektif kajian, bidang kajian, skop kajian, metodologi kajian dan rangka kajian.

Bab kedua memperkenalkan pengertian analisis wacana, al-Qurān sebagai wacana, hakikat wacana al-Qurān dan kaedah-kaedah analisis wacana tafsiran al-Quran.

Bab ketiga adalah merupakan bab yang terpenting dalam kajian ini yang mempokaskan kepada topik “*Analisis wacana tafsiran surah al-Fatiyah*”. Ia membahaskan segenap segi tafsiran yang dibuat dan pada setiap ayat dalam surah al-Fatiyah yang meliputi empat bentuk tafsiran dengan dua contoh tafsiran setiap satu.

Kajian ini diakhiri oleh bab keempat yang membincangkan rumusan-rumusan kajian yang merupakan intipati kajian ini keseluruhannya, di samping dapatan-dapatan penting yang terhasil daripada kajian ini. Diikuti oleh cadangan-cadangan yang dapat diterokai sebagai sumbangan kearah memperdalamai ilmu tafsiran al-Qurān atau analisis wacana al-Qurān serta memperkembangkannya dalam konteks pendidikan dan pembelajaran sebagai mata pelajaran utama yang perlu diajar di semua peringkat pengajian.

## 1.9 Penutup

Bab ini telah membentangkan satu susur galur atau latar belakang yang dapat disifatkan sebagai kerangka kajian. Dalam pembentangan tersebut, penulis telah

cuba menyentuh beberapa perkara asas yang menjadi matlamat yang diperlukan oleh kajian ini.